

KETOKOHAN TUAN GURU HJ. MUHAMMAD YUSOF B. AHMAD (TUK KENALI) DALAM BIDANG BAHASA ARAB

Oleh:

Hilaluddin b. Abdullah¹

ABSTRAK

Tuan Guru Hj. Muhammad Yusof b. Ahmad (Tuk Kenali) merupakan seorang ulama terkenal dari Kelantan. Asas pengajian tafaqquhnya berpusat di kota Makkah setelah belajar asas-asas ilmu Islam di Kota Bharu, tempat kelahirannya. Nama beliau tidak asing lagi di sisi rakyat Kelantan sehingga sekarang. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejauh mana minat dan penguasaan bahasa Arab Tuan Guru Hj. Muhammad Yusof sehingga beliau mampu membaca dan memahami kitab-kitab agama dengan baik. Kajian dibuat dalam bentuk kualitatif dengan merujuk kepada buku-buku, artikel, majalah dan temubual. Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan bahawa beliau adalah seorang tokoh yang sangat berminat kepada bahasa Arab dan bersungguh-sungguh mengajar bahasa tersebut kepada murid-muridnya sebagai ilmu alat di samping pelbagai cabang ilmu agama.

Kata kunci: *Tuk Kenali, Bahasa Arab, Turath*

PENGENALAN RINGKAS TUAN GURU HJ. MUHAMMAD YUSOF B. AHMAD

Tuan Guru Hj. Muhammad Yusof b. Ahmad yang masyhur dengan gelaran Tuk Kenali merupakan salah seorang ulama terbilang di negeri Kelantan, malah di Nusantara pada awal abad kedua puluh. Beliau dilahirkan kira-kira tahun 1287H bersamaan tahun 1870 di mukim Kenali, kampung Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.² Bapanya

¹ Hilaluddin b. Abdullah (Ph.D), pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

² Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (2008), *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, c. 4, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication., h. 13. Tempat kelahirannya di sebelah belakang masjid Şalihi. Masjid ini merupakan masjid lama di mana kedudukannya bertentangan dengan pejabat pos kampung Kubang Kerian. Kawasan ini sekarang

meninggal ketika beliau berusia lima tahun. Ibunya Hajjah Fatimah bersusah payah mendidiknya dengan dibantu belanja hidupnya oleh datuknya sebelah ibu. Untuk meringankan bebanan belanja ibu dan datuknya, beliau telah bekerja sebagai kerani menulis cukai tanaman di kampungnya. Tuan guru Tuk Kenali kemudiannya memulakan kehidupannya sebagai pelajar dengan berulang alik ke Kota Bharu. Masjid Muhammadi di Kota Bharu dan sekitarnya pada masa itu merupakan zon ilmu yang membuka peluang para pelajar menadah kitab.³

Menjelang umurnya lapan belas tahun iaitu kira-kira tahun 1305H bersamaan tahun 1887 Tuk Kenali belayar ke Makkah untuk mendalami ilmu agama. Di sana beliau sempat berguru dengan Tuan Guru Wan Ahmad Fatani, Syaikh Mukhtar Bogor, Syaikh Ahmad Minangkabau, Tuan Guru Hj. Wan Ali Kutan, Syaikh Muhammad b. Ismail Daud Fatani, Tuan Guru Hj. Muhammad (Tuk Api), Syaikh Hasbullah Mesir, Sayyid Abdullah mufti Makkah dan ramai lagi. Setelah dua puluh dua tahun berada di kota Makkah, akhirnya beliau pulang ke negeri kelahirannya untuk menabur ilmu agama dengan membuka pondok⁴ di Kenali.⁵

Beliau kemudiannya berkahwin dengan Hajjah Ruqayyah bt. Hj. Mahmud dan dikurniakan oleh Allah Ta'ala empat orang anak kesemuanya putera iaitu Tuan Guru Hj. Ahmad (Tuk Baqo'), Tuan Guru Hj. Muhammad Soleh (Ayah Leh Makkah), Tuan Hj. Mahmud (Ayah Mud) dan Ustaz Hj. Abdullah Zawawi (Tuk Wi).⁶ Masyhurnya Tuk Kenali bukan sahaja dari segi kealimannya, kewaliannya malah dari segi kekuatan bahasa Arabnya. Beliau meninggal pada tahun 1352H bersamaan tahun 1933 dalam usia 65 tahun.⁷

BELAJAR BAHASA ARAB SEJAK KECIL

dipenuhi dengan rumah-rumah yang padat. Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, pengarang buku-buku Tuk Kenali. Temu bual pada 20 Ogos 2016.

³ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (2008), *op. cit.*, h. 20-23.

⁴ Asalnya perkataan pondok ialah rumah-rumah bersaiz kecil yang diperbuat daripada kayu atau buluh dan beratapkan rumbia(sagu) untuk didiami oleh para pelajar. Perkataan pondok kemudiannya diguna pakai untuk kawasan khas yang didiami oleh para pelajar beserta guru-guru mereka di mana pondok-pondok kecil tadi berada di sekeliling sebuah masjid yang dibina untuk sembahyang dan tempat belajar agama secara tradisional (*Talaqqī*). *Talaqqī* ialah guru mengajar kitab bertulisan jawi atau arab secara bersila dengan dilingkungi oleh murid-murid separuh bulatan. Biasanya pondok sebegini dibuka dan diurus tadbir oleh seorang ulama yang dikenali sebagai tok guru.

⁵ *Ibid.* h. 36-41.

⁶ *Ibid.* h. 13 & 208-225.

⁷ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (2008), *op. cit.*, h. 199.

Semasa umur Tuk Kenali meningkat sembilan atau sepuluh tahun, beliau melangkah ke bandar Kota Bharu untuk menimba ilmu sejauh lima kilometer dengan berjalan kaki setiap hari. Beliau belajar bahasa Arab (nahu dan saraf)⁸ dengan Hj. Nik Ismail b. Abdul Mubin seorang guru agama dan qadhi besar di Kota Bharu, Kelantan iaitu bapa kepada Datuk Perdana Menteri Paduka Raja.⁹ Pengajian ini diadakan di rumah Datuk Perdana Menteri Paduka Raja sendiri.¹⁰ Tuk Kenali dikatakan pernah belajar di Pondok Tuan Guru Hj. Ibrahim di Sungai Budur, Kota Bharu. Beliau pernah juga belajar dengan beberapa tokoh ulama pada masa itu yang memiliki pondok seperti Tuan Padang (Hj. Ahmad b. Hj. Muhammad Yusoff) dan Tuan Tabal (Hj. Wan Abdul Samad b. Wan Muhammad Saleh). Pondok di Kelantan sebenarnya telah lama wujud. Antaranya pondok Tuan Guru Hj. Abdul Samad b. Abdullah (1792 – 1873) bergelar Tok Pulai Chondong.¹¹ Dianggarkan pada masa itu hampir 500 orang pelajar mengikuti pengajian di pondok ini.¹²

Melalui pengajian secara pondok, Tuk Kenali telah berjaya menamatkan beberapa buah kitab nahu seperti *Mutammimah*, *al-Ājurumiyyah*, *Shaykh Khālīd* (*Sharḥ Matn al-Ājurumiyyah* dan *Ibn ‘Aqīl*.¹³ Malah dikatakan juga beliau pernah mengajar kitab *Ibn ‘Aqīl*, sebuah

⁸ Bahasa Arab merupakan bahasa agama Islam. Mempelajarinya adalah wajib. Ini adalah kerana untuk memahami al-Quran dan Hadis tidak ada cara lain kecuali melalui bahasa Arab. Oleh itu apa-apa yang menyempurnakan yang wajib itu wajib pula hukumnya. Bahasa Arab asalnya bahasa kaum ‘Ād, Thamūd, Jadīs dan Jurhum yang dipertuturkan di Yaman dan ‘Iraq. Kemudiannya bahasa ini menjadi semakin mantap apabila ia menjadi bahasa pertuturan di Hijāz. Lihat Aḥmad b. ‘Abd Allāh al-Batīlī (1412H), *Aḥammīyyat al-Lughah al-‘Arabiyyah wa Munāqashat Da’wā Ṣu’ūbāt al-Nahw*, al-Riyāḍ : Dār al-Waṭan li al-Nashr, h. 9.

⁹ Beliau ialah Hj. Nik Mahmood b. Nik Ismail yang lebih terkenal dengan Dato’ Perdana Menteri Paduka Raja, Lahir di Kampung Atas Banggol, Kota Bharu. Beliau pernah menjadi Menteri Besar Kelantan pada masa pemerintahan Sultan Ibrahim. Lihat Nik Mahmud b. Nik Ismail. Wikipedia>ms>wiki>Nik_Mahmud_ ..., dirujuk pada 11 Oktober 2016.

¹⁰ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (2008), *op. cit.*, h. 23.

¹¹ Seperti yang dinyatakan bahawa sistem pengajian pondok berpusat kepada masjid. Kewujudan masjid Pulai Chondong dengan ketinggian menara 57 kaki yang reka bentuknya dibuat sendiri oleh Tuan Guru Hj. Abdul Samad sendiri membuktikan sistem pondok telah wujud ketika itu. Lihat Ismail Che Daud(1992), *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, c. 1, ed. 2, Kota Bharu : Perniagaan dan Percetakan Nik Daud, h. 76 dan Mohd. Yusoff b. Ab. Rahman (1977), “*Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamak Kelantan*”, *Jurnal Jebat*, bl. 5/6, , h. 102.

¹² Idris Awang & Ahmad Zaki Ibrahim (2012), *Tuk Kenali Tokoh Ulama’ & Pemikir Nusantara*, Kota Bharu : Yayasan Pembangunan Intelek Kelantan (YPIK), h. 100.

¹³ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *op. cit.*, h. 23.

kitab nahu yang besar kepada penadah-penadah kitab sebelum beliau ke Makkah.¹⁴ Sememang menjadi tradisi belajar agama, pertamanya mereka perlu mendalami ilmu bahasa Arab terlebih dahulu yang oleh Imam al-Ghazali dan menyebutnya sebagai ilmu alat.¹⁵ Maksud ilmu alat di sini ialah ilmu perantaraan untuk memahami al-Qur'an dan al-Sunnah. Tanpa menguasai bahasa Arab dengan baik tidak mungkin seseorang pelajar dapat memahami tafsiran al-Qur'an, syarah hadis dan kitab-kitab *turath*¹⁶ dengan lebih tepat. Imam al-Shāfi'ī r.h. juga melalui cara ini dengan menguatkan ilmu bahasa Arab di kampung pendalaman di luar Makkah yang didiami oleh qabilah Hudhayl yang terkenal dengan keaslian bahasa Arabnya sebelum mengembara mencari ilmu.¹⁷

SISTEM PONDOK TERKENAL DENGAN KEKUATAN BAHASA ARAB

Sistem pondok yang dilalui oleh Tuan Guru Tuk kenali itu sebenarnya membekalkan ilmu bahasa Arab kepada pelajar-pelajar pondok lebih dari sistem sekolah zaman kini. Tujuan utama bahasa Arab ini diajar ialah untuk memperolehi kemahiran membaca kitab-kitab *turāth* atau apa yang diistilahkan oleh sistem ini sebagai “kitab kuning”.¹⁸ Di samping bahasa Arab (Naḥw dan Ṣarf), ilmu Balaghah juga diajar di pondok-pondok. Ilmu ini merangkumi perbincangan tentang ilmu *bayān*, *ma'ānī* dan *badī'*.¹⁹ Kebiasaannya kurikulum Nahu di peringkat rendah (ibtidā'iyyah) mengguna pakai kitab *al-Ājurrumiyyah* (*Al-Muqaddimah al-Ājurrumiyah*) atau *al-'Awāmil* (*Al-'Awāmil al-Mi'ah al-Naḥwiyyah*). Di peringkat

¹⁴ *Ibid.*, h. 24.

¹⁵ Lihat Muhammad b. Muhammad al-Ghazālī (1995), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, mu. Sidqi Muḥammad Jamīl al-'Aṭṭār, j. 1, Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 22.

¹⁶ Kitab *turath* di sini bermaksud kitab-kitab lama yang ditulis oleh ulama dan ia dijadikan rujukan utama di dalam sesuatu bidang ilmu agama. Kebiasaannya kitab-kitab ini disyarah oleh ulama lain selepas mereka.

¹⁷ Qabilah Hudhayl terkenal sebagai *aḥṣāḥ al-'Arab* (Qabilah Arab yang paling fasih tentang bahasa Arab). Di sini, Imam al-Shāfi'ī menghafal banyak syair-syair arab dan cerita-cerita mereka. Lihat Muhammad_ b._ Idris al-Shafī'ī <http://Wikipedia.org/wi>. Dirujuk pada 16 November 2016.

¹⁸ Lihat Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning : Pesantren dan Tarekat*, c. 2, Bandung : Penerbit Mizan, h. 17. Lihat juga Hayati Ridhwani(2011), *Tok Kenali*. Kuala Lumpur : BS Print (M) Sdn. Bhd., h. 145.

¹⁹ Alī Jārim & Muṣṭafā Amīn (1998), *Dalīl al-Balāghah al-Wāḍiḥah*, Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, h. 4, 81, 136.

pertengahan (*thānawīyyah*), kitab *al-‘Awāmil* pun diguna pakai di samping kitab *Sharḥ al-Ājurrumīyyah*, *Imrīṭī* dan *Sharḥ Imrīṭī*, *Mutammimah*, *Qaṭr al- Nadā*, *Qawā'id al 'Irāb*, *al-Naḥw al-Wāḍiḥ* serta *Qawā'id al-Lughah*. Di peringkat tinggi (*‘āliyyah*) pula kitab-kitab yang digunakan terdiri dari kitab *al-Ashmawī*, *al-Alfiyyah*, *Ibn 'Aqīl* dan *Dahlān Alfiyyah*(*Sharḥ al-Alfiyyah*). Dalam bidang saraf, untuk peringkat rendah diguna pakai kitab *al-Binā'* (*Al-Binā' wa al-Asās*). Kemudian di peringkat pertengahan diajar kitab *al-Amthilah al- Taṣrīfiyyah*. Manakala peringkat tinggi diajar kitab *al- Kaylānī*, *Sharḥ al- Kaylānī*, *Maqsūd* (*Al-Maqsūd fī ' Ilm al- Ṣarf*) dan *Sharḥ al-Maqsūd*. Manakala kitab *al-Jawhar al- Maknūn fī al-Balāghah* dan *'Uqūd al-Jumān fī 'Ilm al-Ma'ānī wa al-Bayān* dipelajari untuk pelajaran ilmu balaghah.²⁰

Kaedah pembelajaran di pondok-pondok adalah bertunjangkan bahasa Arab sebagai tulang belakang pengajian mereka. Malah pengajian kitab-kitab tafsir, hadis, akidah, fiqh dan sebagainya diajarkan bersama-sama dengan ilmu bahasa Arab. Setiap perkataan arab dan *ḍamīr* (ganti nama) diperjelaskan kedudukan *i'rāb*nya dan ke mana kembalinya gantinama-gantinama tersebut agar terjemahannya ke dalam bahasa Melayu mencapai maksud sebenar. Kalau *ḍamīr* itu *mu'annath* (perempuan) maka ia kembali kepada perkataan *mu'annath* dan kalau ia *muzakkar* (lelaki) maka ia kembali kepada perkataan *muzakkar*. Begitulah yang dilakukan untuk *ḍamīr mufrad* (satu), *jam'* (banyak) dan *muthnnā* (dua). Ia seperti pengukuhan dalam mengulangkaji dan mengingat semula ilmu bahasa Arab yang telah dipelajari. Seterusnya kaedah terjemahan merupakan kaedah pengajian pondok yang berkesan dengan digantungkan makna perkataan Melayu di bawah perkataan Arab yang menjadi matan kepada kitab-kitab *turāth*. Makna gantung ini ditulis dengan tulisan jawi atau arab. Seterusnya matan-matan ini kemudiannya dihafal dan diingati sehingga seseorang itu boleh disebut memiliki ilmu dan bergelar ulama. Ulama yang hebat ialah ulama yang takutkan Allah, menghafal al-Quran dan Hadis. Seterusnya ia memahami dan menghafal semua matan kitab dalam semua bidang ilmu samada berbentuk rangkap sya'ir, puisi, kata-kata hikmat malah keseluruhan perkataan di dalamnya.

²¹ Ini berpadanan dengan kata-kata yang masyhur :

الْعِلْمُ فِي الصُّدُورِ ، لَا فِي السُّطُورِ

²⁰ Martin Van Bruinessen, *op. cit*, h. 149.

²¹ Lihat Abd Allāh Qadiri al-Ahdal (2008), *Tall al-Rabwah: Tarbiyyat al-Ustāz al-Dā'iyyah li Tilmīzih*, c. 6, Jiddah : Dār al-Mujtama', h. 7.

Ilmu itu di dalam dada (ingatan), bukannya di dalam baris-baris tulisan (dalam kitab).

MINAT BAHASA ARAB

Tuan Guru Tuk Kenali memang minat bahasa Arab. Beliau terkenal dengan kemahirannya dalam ilmu nahu dan juga sya'ir Arab. Demi untuk menarik minat murid-muridnya belajar ilmu sya'ir ini, maka dicerita kisah-kisah menarik mengenai kebolehan orang arab bersya'ir. Antaranya kisah seorang gadis badwi yang tinggal di pinggir kota Makkah telah bersya'ir secara sepontan. Hal ini berlaku apabila beliau dan rakan-rakan yang terdiri dari penuntut-penuntut Melayu di Makkah bertanyakan keberadaan ayahnya. Si gadis tadi menjawab dalam bentuk sya'ir berbunyi:

فَا إِلَى الْغِيَاثِ
لِيَفِي لَنَا بَغْيِ
فَإِذَا فَأَاءَ الْفَيْءِ
يَفِي

Ke hutan ayahku pergi,
Bahan-bahan keperluan dia mencari,
Apabila gelincir sang mentari,
Dia pun segera kembali.

Peristiwa ini menggambarkan kekuatan bahasa Arab yang dimiliki oleh gadis badwi itu sehingga mampu ia bersya'ir secara langsung dan berirama.²²

Diceritakan bahawa Tuan Guru Tuk Kenali setelah tamat pengajian di Makkah, telah membawa pulang bersama-samanya dua buah kitab sahaja. Kedua-duanya adalah kitab dalam bidang bahasa Arab yang menandakan minatnya yang lebih kepada bidang ini. Ditambah pula beliau tidak mempunyai banyak wang untuk membawa balik kitab-kitab lain selain kitab bahasa Arab. Kitab yang dimaksudkan ialah kitab *Sharḥ al-Ashmūnī 'alā Alfīyyat Mālik* (*Manhaj al-Sālik ilā Alfīyyat Ibn Mālik* karangan al-Ashmūnī) dan *al-Mughnī (Mughnī al-Labīb 'alā Kutub al-Ārib* karangan Ibn Hishām al-Anṣārī al-Naḥwī).²³ Kedua-dua kitab

²² Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, h. 47-48.

²³ *Ibid*, h. 55.

bernilai ini membicarakan tatabahasa Arab secara mendalam. Inilah yang menjadi tunggak rujukan beliau sebagai alat untuk menerokai dan memahami kitab-kitab *turāth* yang dipelajarinya. Bahkan kedua-dua kitab ini juga nantinya digunakan untuk mengajar anak-anak murid beliau semasa membuka pondoknya di Kenali.

BAHASA ARAB TUAN GURU TUK KENALI

Seperti yang disebut sebelum ini bahawa kebolehan Tuan Guru Tuk Kenali di dalam bidang bahasa Arab agak menonjol. Hal ini tidak menafikan bahawa beliau juga seorang ulama besar yang tersohor dalam pelbagai bidang ilmu agama. Ini dapat dibuktikan melalui perbualan Shaykh Aḥmad Hijāzī, pakar ilmu tajwid dan *qirā'āt* yang pernah mengunjungi beliau dan bertanya kebolehan ilmunya, beliau menjawab : “ Tidak banyak ! Ana hanya mengetahui pengetahuan bahasa Arab ”. Beliau menyambung lagi : “ Kiranya ilmu bahasa Arab, maka analah yang agak mendalam sehingga di kota Makkah pun, analah yang agak lebih ”.²⁴ Jawapannya : “ tidak banyak ” menggambarkan sifat tawaduk beliau apabila berdepan dengan ulama lain. Sememangnya Tuan Guru Tuk Kenali seorang wali Allah yang tidak ingin membesar diri. Sahnya beliau seorang ulama besar apabila ia didatangi oleh pakar tajwid dan *qirā'āt* tadi semata-mata untuk bertemu sendiri lantaran kemasyhurannya. Keduanya, dari ungkapan di atas mengesahkan juga bahawa ilmu bahasa Arab beliau sangat hebat berbanding dengan ilmu-ilmu lain yang dimilikinya.

Bukti kedua kehebatan bahasa Arab Tuan Guru Tuk Kenali ialah kenyataan Syaikh Muhammad Idris Abdul Ra'uf al-Marbawi, seorang anak muridnya yang cerdas berasal dari Perak. Beliau pernah menyuarakannya hasratnya semasa berada di Makkah untuk kembali ke Kelantan. Tujuannya ialah untuk belajar semula dengan Tuan Gurunya kerana di Makkah tiada guru yang setanding dengan gurunya itu dalam bidang ilmu agama dan bahasa Arab. Kata al-Marbawi : Kerana itu saya kembali ke tanah air untuk menghirup kembali ilmu dari Tuan Guru Tok Kenali.²⁵ Maksudnya bila Tuan Guru Tuk Kenali pulang ke Kelantan, maka tiada lagi guru bangsa Melayu yang boleh mengajar ilmu ini kepada anak-anak murid Melayu ketika itu melainkan mereka perlu ke Kelantan

²⁴ *Ibid*, h. 110-111.

²⁵ Abdul Rahman al-Ahmadi (1983), *Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, Kuala Lumpur : Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., h. 17.

juga untuk menyambung dan mendalami ilmu agama dan bahasa Arab mereka.

MENGAJAR BAHASA ARAB DI MASJIDIL HARAM

Sebelum balik ke Kelantan, Tuan Guru Tuk Kenali telah pun mengajar di al-Masjid al-Harām selama 12 tahun. Beliau dikunjungi oleh beratus-ratus pelajar Kelantan dan lain-lain.²⁶ Walaupun tidak disebut bahawa Tuan Guru mengajar kitab mana semasa di Makkah termasuklah kitab bahasa Arab, akan tetapi bukan suatu perkara yang jauh untuk dijangkakan bahawa kitab-kitab yang diajar di pondok-pondok di tanah air kita waktu itu adalah kitab-kitab yang sama dipelajari dari guru-guru mereka di sana. Menurut tradisi pengajian secara halaqah, kitab-kitab yang dipelajari itulah kitab-kitab yang diajar semula. Kitab-kitab yang sudah dipelajari biasanya dipenuhi dengan catatan-catatan yang dipanggil “*dābiṭ*”. Kepentingan “*dābiṭ*” kitab-kitab ini disebut dalam satu ungkapan Arab berbunyi :

الْعِلْمُ صَيْدٌ وَالْكِتَابَةُ فَيْدُهُ ، فَيَدُ صَيْدِكَ بِالْحَبَالِ الْوَائِقَةِ ، فَمَنْ
الْحَمَاقَةُ أَنْ تَصِيدَ غَزَالَةً وَتَتْرُكُهَا بَيْنَ الْخَلَائِقِ طَالِقَةً

Ilmu ibarat binatang buruan di mana catatan adalah tali ikatannya. Ikatlah bintang-binatang buruan kamu dengan tali yang kuat. Bodoh sekali orang yang memburu kijang, (kemudian) dilepaskan (tanpa tali) di hadapan orang ramai.

TUAN GURU TUK KENALI MENGHAFAL SYAIR ARAB

Lantaran minat yang mendalam kepada bahasa Arab, Tuan Guru Tuk Kenali telah menghafal banyak rangkap-rangkap syair Arab. Fungsi syair selain daripada bukti penggunaan sesuatu perkataan di kalangan orang-orang Arab, ia juga disebut-sebut untuk menguatkan satu-satu tajuk pengajaran atau cerita. Orang-orang Arab memang suka bersyair dan mendengar syair. Ada majlis khas untuk bersyair seperti mana orang-orang Melayu menganjurkan majlis membalas pantun. Dengan bersyair boleh menampilkan kekuatan bahasa Arab seseorang. Dilaporkan oleh

²⁶ *Ibid.* h. 26.

beberapa orang bekas penuntut Tuan Guru Tuk Kenali bahawa guru mereka pernah menyebut syair-syair berikut : ²⁷

1) Syair Akhirat:

فَسَمًّا بِمَا رَفَعَ السَّمَاءَ مِنْ غَيْرِ طَيِّ
وَاخْتَارَ خَيْرَ الرُّسُلِ مِنْ آلِ لُؤَيٍّ
لَمْ يَنْهَاطْهَا طَمَعُ الْخُلُودِ وَإِنَّمَا
هِيَ زِينَةُ الدُّنْيَا لِحَيٍّ بَعْدَ حَيٍّ

Bersumpah dengan pendiri langit tanpa lipatan,
Allah memilih seutama-utama rasul dari keluarga Lu'ai,
Tiadalah kamu dicela kerana sukakan Akhirat,
Sungguh ia perhiasaan dunia bagi yang hidup setelah hidup.

2) Syair Mengikut Sunnah Allah:

تَرْجُو النَّجَاةَ وَلَمْ تَسْلُكْ مَسَالِكَهَا
إِنَّ السَّفِينَةَ لَا تَجْرِي عَلَى الْيَبَسِ

Kamu mahu selamat, tetapi tidak ikut jalannya,
Sesungguhnya perahu tidak mampu belayar di daratan.

3) Syair Sebab Akibat:

مَنْ غَرَبَلَ النَّاسَ غَرَبَلُوهُ
وَمَنْ اسْتَعْصَبَ النَّاسَ ذَلَّلُوهُ

Siapa menyingkir orang lain, dia akan tersingkir,
Dan sesiapa menyusahkan orang lain, dia akan dihina.

4) Syair Pertolongan Allah Ta'ala:

إِنْ أَقْبَلَتْ بَاضَ عَلَى الْحِمَالِ عَلَى الْوُطْدِ
وَإِنْ أَدْبَرَتْ شَجَّ الْحِمَارُ عَلَى الْأَسَدِ

Apabila ada pertolongan Allah, merpati bertelur di atas pemancang khemah,
(Sebaliknya) apabila tidak ditolongi, keldai

²⁷ Abdullah al-Qari (1999), *Pusaka Tuk Kenali*, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, h. 33 – 38.

Kencing di atas muka singa.

5) Syair Mengikut Persekitaran:

إِنْ ضَمَّكَ الدَّهْرُ إِلَى مَعْشَرٍ
قَدْ جَبَلَ الطَّنْبُ إِلَى بُغْضِهِمْ
دَارِهِمْ مَا كُنْتَ فِي دَارِهِمْ

وَأَرْضِهِمْ مَا دُمْتَ فِي أَرْضِهِمْ

Dikala mendatangi suatu puak,
Biarpun hati kamu membenci mereka,
Kampung merekalah (turutilah) selama mana kamu di kampung mereka,
Dan tanah merekalah (ikutlah) selama kamu di tanah mereka.

Maksud syair ini ialah seperti kata peribahasa Melayu : “ Masuk kandang kambing mengembik ; Masuk kandang kerbau menguak ”

6) Syair Berkawan:

عَلَيْكَ بِأَرْيَابِ الصُّدُورِ
فَمَنْ عَدَا مُضَافًا لِأَرْيَابِ الصُّدُورِ تَصَدَّرَا
وَإِيَّاكَ أَنْ تَرْضَى صَحَابَةَ نَاقِصٍ وَتَنْحَطُ
قَدَرًا مِنْ عُلَاكَ وَتُخَفَّرَى

Kawaniilah dengan orang yang terkemuka,
Nanti kamu turut terkemuka juga,
Jauhilah mengawani orang yang rendah,
Nanti pangkat kebesaranmu jatuh terdedah.

7) Syair Harta:

فَصَاحَةُ حَسَّانٍ وَخَطُّ ابْنِ مُقْلَةٍ
وَحِكْمَةُ لُقْمَانَ وَرُحْدُ ابْنِ أَدْهَمٍ
إِذَا اجْتَمَعَتْ فِي الْمَرْءِ وَالْمَرْءِ مُفْلِسٌ
يُنَادِي عَلَيْهِ وَلَا يُبَاعُ بِدَرِهِمْ

Fasihnya syair Hassan dan indahnya khat Ibnu Muqlah,

Ketokohan Tuan Guru Hj. Muhammad Yusof b. Ahmad (Tuk Kenali) dalam Bidang Bahasa Arab

Bijaksananya Luqman dan zuhudnya Adham,
Semuanya apabila terkumpul pada orang mufliis,
Maka kepandaianya tidak lagi bernilai.

MAHIR BERPUISI DAN MENUTUR KATA-KATA HIKMAT

Ketokohan Tuan Guru Tuk kenali terserlah juga melalui gubahan syairnya yang berbahasa Arab tetapi beraromakan persekitaran Melayu. Syair dua rangkap beliau berbunyi :

وَحَمْسَةً بَعْدَ الطَّعَامِ تُؤْكَلُ
تُؤَرُّ وَتُنْبَاكُ وَتُنْبُلُ وَكَاتُ فُؤَلُ

Lima selepas menjamah makanan dimakan,
Kapur, tembakau, sirih, gambir dan pinang.

Antara kata-kata hikmat berbahasa Arab yang pernah dituturkan oleh Tuan Guru Tuk Kenali seperti berikut:

1. Gigih Memahami Bahasa Arab :

لَوْلَا الْحَذْفُ وَالتَّقْدِيرُ لَفَهِمَ الْحِمَارُ

Ertinya: Sekira (belajar bahasa Arab) tanpa *hazf* (mengetahui mana perkataan yang dihilangkan) dan *taqdir* (mengandaikan maksud satu-satu perkataan yang tersirat), nescaya keldai pun boleh memahami bahasa Arab (dengan mudah).

2. Banyak Membaca Kitab Arab :

لَا يُغْنِي كِتَابٌ عَنْ كِتَابٍ

Ertinya: (Mempelajari ilmu itu) tidak cukup dengan sebuah dua kitab sahaja.

3. Pengarang terdedah kepada kritikan :

مَنْ صَنَّفَ قَدْ اسْتُهْدِفَ

Ertinya: Seorang pengarang itu akan menjadi sasaran.²⁸

SĪBWAYH MELAYU

Tuan Guru Tuk Kenali digelar Sĭbawayh Melayu lantaran ketokohan beliau dalam bidang tatabahasa Arab.²⁹ Sĭbawayh ialah seorang pakar nahu Arab yang sangat terkenal pada abad ke lapan di mana *al-Kitāb* merupakan kitab kaedah nahu karangan beliau yang menjadi rujukan sampai sekarang.³⁰ Nama jolokan kepada Tuan Guru Tuk Kenali ini sebenarnya hanya menunjukkan kepakaran beliau dalam tatabahasa Arab. Ia sekali-kali tidak menunjukkan bahawa beliau hanya mahir bidang itu sahaja sebagaimana tanggapan sesetengah pihak.³¹ Kemahirannya lebih bersifat “ ilmu alat ” sahaja. Allah Ta’ala memberi kepakaran kepada golongan ulama ini tidak sama. Ada yang mahir fiqah, ada yang mahir fara’id, ada yang mahir bahasa Arab, *qirā’āt* dan pelbagai lagi. Disebut bahawa dalam era Kelantan masyhur dengan banyak pondok, ramai murid-murid ke hulu ke hilir mencari guru yang menonjol dalam satu-satu bidang untuk menadah kitab.³² Disiplin ulama dulu sememangnya begitu tanpa menafikan kebolehannya dalam bidang lain. Berbeza dengan sekarang, sistem dualisma sekular telah betul-betul memisahkan satu-satu ilmu dengan ilmu yang lain sehingga orang tidak tahu melainkan bidangnya sahaja. Pendek kata keadaan sekarang tidak boleh diukur dengan keadaan dulu.

²⁸ Abdullah al-Qari, *op. cit.*, h. 40 – 41.

²⁹ Abdul Rahman al-Ahmadi, *op. cit.*, h. 30.

³⁰ <http://www.yabeyrout.com/pages/index770.htm>, dirujuk pada 12 Oktober 2016.

³¹ Lihat Abdul Hayy b. Abdul Syakur (1998) : “ Kepakaran Tuk Kenali Dalam Pengajian Fiqah Islam”, *Pengasuh*, September- Oktober, h. 53.

³² Kelantan amat bertuah kerana minat mengaji dan mengajar rakyatnya terhadap ilmu agama berterusan sejak zaman Tuan Guru Tuk Kenali lagi. Sebenarnya gambaran sebuah universiti sudah pun wujud. Malah gabungan fakulti-fakulti yang tidak keterlaluan dinamakan Universiti Terbuka Kelantan sudah ada. Tuan Guru Tuk Kenali sebagai dekan Fakulti Bahasa Arab dan Kesusasteraan Arab di mana kampusnya berada di pondok Kenali. Kampus Fakulti Syariahnya dikendalikan oleh anak muridnya Tuan Guru Hj. Abdullah Tahir yang mahir ilmu fiqah. Di Kampung Sireh pula terdapat Maulana Tuk Khurasan yang mengurus Fakulti Hadis. Beliau sangat mahir dalam ilmu hadis. Manakala Fakulti Pengajian Islam pula kampusnya bertempat di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Antara pensyarahnya ialah Tuan Guru Tuk Wan Ali Kutan. Jadual belajar mahasiswanya padat, mereka memulakan pengajian sejak lepas subuh sampai ke lewat malam dengan mengikuti kuliah-kuliah di kampus-kampus yang disebutkan tadi. Lihat Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, h. 234.

Khusus untuk bahasa Arab, Tuan Guru Tuk Kenali mengajar anak-anak muridnya bermula daripada kitab *Mukhtaṣar* sehingga kepada kitab *Ashmūnī*. Ilmu fiqh pula bermula daripada kitab *Faṭḥ al-Qarīb* sehingga kepada kitab *Tahrīr* dan *Iqnā'*. Bidang tafsir diajarnya kitab *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Jamāl*. Bidang tasawuf pula diajarnya kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* karya Imam al-Ghazālī dan kitab *Hikam Ibn 'Atā' Allah*. Malah beliau juga pernah mengajar kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam bidang hadis.³³

Juga sebagai bukti kealiman dan kefakihan Tuan Guru Tuk Kenali dalam ilmu-ilmu agama, majalah *PENGASUH*, tahun kedua, bil : 25, 30 jun 1919, h. 8, - di mana beliau sendiri menjadi ketua pengarangnya - telah menjawab pelbagai masalah agama. Di bawah tajuk “ Kenyataan, Ingatan, Nasihat Yang Berkenaan Dengan Soal Jawab Hukum *Muqāranah* “ beliau menulis :

“ Adalah setengah daripada anak-anak negeri Kelantan di dalam beberapa jajahannya bersembahyang fardhu yang lima waktu dengan tiada berniat bagaimana niat yang termaklum, hanya menghadir di dalam hati pada ketika takbiratul ihram (akan) Tuhan Yang Maha Besar jua.

Maka oleh sebab ada soal bagaimana yang tersebut, iaitu nampaknya telah berbangkit pergaduhan yang membawa teralih jalan yang betul mewajibkan atas kami mengeluarkan suara jawab menghamburkan ingatan nasihat, mudah-mudahan memberi manfaat akan orang Mu'min.

....Maka berkata kami, adalah orang yang bersembahyang berniat yang tersebut di dalam soal itu iaitu dihadirkan “ Tuhan Yang Maha Besar “ jua dalam takbiratul ihram, tiada disertakan atau didahului sedikit yang termaklum iaitu *qaṣd*, *ta'āruḍ*, *ta'yīn*, orang itu telah teranglah salahnya ; kerana menyalahi ia akan perkataan segala ulama' besar Imam al-Shāfi'ī sendiri dan segala imam yang mengikut mazhabnya seperti Imam Nawawī, Imam Rāfi'ī,

³³ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, h. 71-72.

Imam Ghazālī dan lain-lain di dalam kitab mereka itu kecil dan besar seperti al-Umm, Iḥyā', Tuḥfah, Nihāyah dan lain-lain, pendeknya terang yang demikian itu menyalahilah dengan ijma' ulamak
“³⁴

Terbukti beliau seorang yang alim sewaktu lawatan ringkasnya ke Mesir bersama gurunya Tuan Guru Wan Ahmad dan beberapa orang lagi. Ketika soalan berhubung dengan masalah-masalah agama diajukan kepada gurunya, maka gurunya mengisyaratkan agar ia dijawab oleh Tuk Kenali. Tuk Kenali telah memberi jawapan yang memuaskan hati mereka.³⁵

MENYUSUN TAṢRĪF³⁶

Tuan Guru Tuk Kenali mengajar anak-anak didiknya tatabahasa Arab bermula dari kitab *Mukhtaṣar* sampai kepada kitab *Ashmūnī*³⁷ Disebut bahawa beliau terlebih dulu menyuruh mereka menghafal *taṣrīf* yang disusunnya. Beliau sendiri menulis kumpulan *taṣrīf* di dalam setiap buku tulis mereka untuk dihafal setiap hari.³⁸ Pada waktu pagi Tuan Guru Tuk Kenali menyemak hafalan mereka dalam keadaan berselimut. Mana-mana mereka yang telah ingat, maka beliau menulis *taṣrīf* yang berikutnya untuk dihafal lagi. Mana-mana pelajar yang salah hafalannya atau kurang ingat disuruhnya mengulang semula.³⁹

Kumpulan-kumpulan *taṣrīf*nya telah dikembangkan oleh beberapa orang anak muridnya seperti Tuan Guru Hj. Ali Salahuddin Pulau Pisang, Kelantan. Beliau telah menerbitkan *taṣrīf* ini dalam bentuk kitab yang diberi judul “*al-Durūs al-Kenāliyyah al-Ibtidā'īyyah*” yang dicetak oleh Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1945. Tuan Guru Hj. Ali Salahuddin merupakan anak murid Tuan Guru Tuk Kenali yang mahir ilmu nahu. Beliau pernah menyebut kepada anak-anak muridnya yang lain

³⁴ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (1999), *Pusaka Tuk Kenali*, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, h. 9-10.

³⁵ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, h. 42-43.

³⁶ *Taṣrīf* ialah jadual-jadual pecahan perkataan arab menurut ilmu nahu dan sarf. Lihat Hj. Abd Rahman Sulaiman al-Kalantani (2007), *Mukhtaṣar al-Qawā'id al-'Arabiyyah li al-Mubtadi'in*, Kuala Krai : Dār Ṭībah, h. 5-36, Hāshim Ismā'īl (1992), *Jadwal al-Naḥw*, Surabaya : Syarikat Bonggol Indah, alif-nūn, Hāshim Ismā'īl (1992), *Jadwal al-Ṣarf*, Surabaya : Syarikat Bonggol Indah, alif-mīm dan Hāshim Ismā'īl (1992), *Jadwal al-al-Hurūf*, Surabaya : Syarikat Bonggol Indah, alif-'ayn.

³⁷ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *op. cit*, h. 71.

³⁸ *Ibid.*, h. 90.

³⁹ *Ibid.*, h. 80.

: “ Sesiapa yang hendak belajar ilmu nahu Arab hendaklah pergi belajar dengan Mat Ali ”. Pengiktirafan gurunya sangat bermakna, malah selepas itu Tuan Guru Hj. Ali Salahuddin pula digelar “ Tuk Sibawayh ”.⁴⁰ Ustaz Hj. Umar Zuhdi dari Baling, Kedah iaitu anak murid Tuan Guru Hj. Salahuddin juga telah menerbitkan kitab berjudul “ *‘Ilm Şarf* “. Kitab ini bersumberkan dari Tuan Guru Tuk Kenali.⁴¹ Bersumberkan dari Tuan Guru Tuk Kenali juga, Syaikh Uthman Jalaluddin Bukit Mertajam mengeluarkan buku bertajuk “ *Taşrîf al-‘Arf fî Taşrîf al-Şarf* “. Ini jelas dalam kata-kata pendahuluan kitabnya berbunyi :

وَلَقَدْ لَقِطْتُهَا مِنْ جَوَاهِرِ تَصَارِيفِ شَيْخِنَا السَّنِّيَّةِ ، الْعَالِمِ
الْعَلَامَةِ الْجَامِعِ لِلْفُنُونِ الدِّيْنِيَّةِ ، مُحَمَّدٍ يُوسُفَ الشَّهْرِ فِي سَائِرِ
الْبُلْدَانِ الْمَلَايُوتَةِ ، بَتُّو كَنَالِي بِالْبَلَدِ الْكَلَنْتَانِيَّةِ ، الْمُتَوَقَّى يَوْمَ
الْأَحَدِ ٢ فِي شَعْبَانَ سَنَةِ ١٣٥٢ تَعَمَّدَهُ اللَّهُ تَعَالَى بِرَحْمَتِهِ
الْمَرْضِيَّةِ ، وَتِلْكَ التَّصَارِيفِ مِنْ أَحْسَنِ التَّرْتِيبِ فِي إِبْتِدَاءِ التَّعْلِيمِ
، وَقَدْ لَا يُوجَدُ مِثْلُهَا فِي الْحَدِيثِ وَالْقَدِيمِ

Pada hal sesungguhnya telah hamba pungut akan dia daripada beberapa mutiara *taşrîf* yang amat elok bagi guru hamba, yang alim lagi yang amat mendalam ilmunya lagi yang menghimpun bagi beberapa *fann* ilmu yang bangsa kepada agama iaitu Muhammad Yusof yang dimasyhurkan gelarannya di seluruh Tanah-tanah Melayu dengan Tuk Kenali di negeri Kelantan, yang telah diwafatkan dia pada hari Ahad 2 Sya’ban tahun 1352 hijriyyah , mudah-mudahan diliputi kiranya akan dia oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala dengan rahmatNya yang diridhai : Dan demikian *taşrîf-taşrîf* itu ialah daripada seelok-elok peraturan dan permulaan pengajaran ilmu Arab dan sesungguhnya tiada hampir didapatkan seumpamanya pada masa yang kemudian dan pada masa yang dahulu-dahulu.⁴²

⁴⁰ *Ibid.*, h. 228.

⁴¹ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (1999), *Pusaka Tuk Kenali*, h. 45.

⁴² Uthman Jalaluddin (1308 H), *Taşrîf al-‘Arf fî Taşrîf al-Şarf*, Pulau Pinang : Matba’ah Persama, h. 3-7.

Berkemungkinan besar juga bahawa Tuk Kenali mengajar kitab *Ashmūnī* yang dibawa baliknya dari Makkah kepada anak-anak muridnya termasuklah Syaikh Uthman Jalaluddin Bukit Mertajam. Nama kitab ini disebut oleh beliau di dalam bukunya di atas. Katanya :

Bahawasa *masdar* itu tidak *taṣrīf* sebagaimana telah berkata di dalam *Ṣabbān al-Ashmūnī*.⁴³

MENTERJEMAH TAFSIR

Oleh kerana kemantapan bahasa Arab Tuan Guru Tuk Kenali, beliau mampu memahami selok belok ayat-ayat yang terkandung di dalam kitab-kitab, malah beliau juga mampu menterjemah kitab-kitab *turāth* seperti *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr Ibn Kathīr* dan kitab *al-Umm* karangan Imam al-Shafī'ī. Penterjemahan ini disarankan oleh pihak Majlis Agama Islam Kelantan. Caranya ialah beliau menterjemah dan merencanakan kepada murid-murid beliau. Antaranya Tuan Hj. As'ad b. Hj. Daud, Kangkung, Pasir Mas (1886 – 1941) dan Tuan Guru Hj. Salahuddin, Pulau Pisang, Kota Bharu. Dicatat bahawa usaha menterjemah *Tafsīr al-Khāzin* dimulai pada 1 ogos 1929 dan berakhir pada bulan disember 1930. Kira-kira setahun lebih tempuh penterjemahannya.⁴⁴ Begitulah peranan bahasa Arab sebagai ilmu alat di mana ilmu nahu sebagai bapa kepada bahasa Arab dan ilmu saraf sebagai ibunya. Tuan Guru Tuk Kenali juga menguasai bahasa Melayu dengan baik sampai beliau pandai bersyair Melayu. Sebagai bukti, banyak syair-syair Melayu dapat dihasilkan mungkin kesan dari kepakarannya tentang syair-syair Arab juga. Antaranya tertulis di dalam majalah *PENGASUH*, tahun pertama, bl : 1, 11 julai 1918 berbunyi :

Tiada hari bagi kita,
Jika kita tidak bergerak pada hari ini ;
Cubalah anakku tilik cerah matahari,
Kelebihan orang yang telah dapat kemenangan,
Kerana amalan yang kebajikan,
Dan pandangan kelam orang yang jatuh, kerana amalan kejahatan,
Di situ PENGASUH bertimpus membedak,
Dengan bedak harapan,
Mudah-mudahan subur sekalian,

⁴³ Ibid., h. 9. Nama penuh bagi *Ṣabbān al-Ashmūnī* ialah *Hashiah al-Ṣabbān 'alā Sharḥ al-Ashmūnī 'alā Alfīyyat Ibn Mālik*.

⁴⁴ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, *Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, h. 156.

Dengan darah dan daging,
Yang boleh mengkhidmatkan tanah air,
Dan menunjukkan kepada Raja.⁴⁵

FASIH BERBAHASA ARAB

Tidak dapat dinafikan berada di Tanah Arab dalam tempoh yang lama memberi satu lagi kemahiran dan pengalaman bertutur bahasa Arab. Pengembaraan ilmu Tuan Guru Tuk Kenali begitu lama di Makkah, kemudian menziarahi tempat di sekitarnya serta berpeluang pula ke Mesir dan Syam telah menjadikan beliau seorang yang fasih berbahasa Arab. Istilah sekarang dipanggil bahasa Arab Komunikasi. Beliau berkomunikasi dan berdialog dalam bahasa Arab semasa lawatannya ke Mesir dan juga semasa kunjungan Syaikh Ahmad Hijāzī yang mendapat pendidikan di Mesir. Malah Tuan Guru Tuk Kenali mampu berdialog dalam bentuk syair. Katanya :

إِنَّ الْكُنَالِيَّ فَاضِلٌ الْكُنْدَالِيَّ

Sesungguhnya al-Kunālī (Kenali, Kelantan) melebihi al-Kundālī (di Mesir, walaupun perkembangan ilmunya lebih awal)⁴⁶

KAMUS ARAB MELAYU AL- MARBAWI

Guru yang hebat bahasa Arab melahirkan anak-anak murid yang hebat juga dalam bahasa Arab. Anak murid Tuan Guru Tuk Kenali dari luar Kelantan yang sangat berminat belajar tatabahasa Arab dan ilmu agama ialah Syaikh Muhammad Idris Abdul Ra'uf al-Marbawi.⁴⁷ Beliau telah berjaya menyusun satu buku kamus Arab Melayu yang lengkap menurut pengajian gurunya. Buku ini diterbitkan pada tahun 1354 H iaitu selepas dua tahun gurunya meninggal dunia. Kamus ini bukan sahaja digunakan

⁴⁵ Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh (1999), *Pusaka Tuk Kenali*, h. 11. Syair-syair berbahasa Melayu lain banyak terdapat di dalam tulisan-tulisan Tuan Guru Tuk Kenali. Lihat Muhammad Yusuf b. Saleh (1953), *Laksana Sahidangan*, Kota Bharu : Mustafa Press, h. 52. Di halaman ini tersenarai buku-buku karangan beliau dan tahun diterbitkan. Buku-buku itu ialah *Syair Merak Emas*(1923), *Syair Jaya Udara* (1927) dan *Syair Suara Kebajikan*(1952).Lihat juga Muhammad Yusuf b. Saleh (1938), *Sinaran Kelantan*, Kota Bharu : Majlis Agama Islam, h. 18-21 dan h. 23 dan Muhammad Yusuf b. Saleh (1938), *Pechahan Empat*, j. 2, Kota Bharu : Majlis Agama Islam, h. 24-26 & 32.

⁴⁶ Abdullah al-Qari, *op. cit*, h. 110-111.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 231.

oleh pelajar-pelajar Malaysia, malah meluas penggunaannya bagi pelajar-pelajar yang belajar di Tanah Arab seperti Mesir, Jordan, Arab Saudi dan lain-lain tempat. Ia mengandungi 18,000 kalimah Arab terjemahan Bahasa Melayu. 700 daripadanya ditunjukkan dengan gambar-gambar. Kamus yang diberi nama “ *Qāmūs Idrīs al-Marbawī : Arabī – Malāyūwī* ” telah dicetak di Mesir oleh percetakan Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awladuh.

MELAHIRKAN RAMAI ULAMA MAMPU MEMBACA KITAB ARAB

Tuan Guru Tuk Kenali, sama ada di Makkah atau di pondoknya di Kampung Kenali tidak henti-henti menabur ilmunya yang luas. Selain daripada anak-anak muridnya yang telah disebut sebelum ini, terdapat juga anak-anak murid beliau yang bertaraf tuan guru. Antara mereka ialah Tuan Guru Hj. Abdul Qadir Melor, Tuan Guru Hj. Hasbullah But, Keteroh, Tuan Guru Hj. Muhd Nor But, Tuan Guru Hj. Muhammad Tubuh Tawang, Tuan Guru Hj. Daud Bukit Abal, Tuan Guru Hj. Ismail bin Salih, Padang Pak Amat, Pasir Putih, Tuan Guru Hj. Abdullah Tahir, Bunut Payung dan Tuan Guru Hj. Abdul Rahman Lubok Tapah, Pasir Mas.⁴⁸

Tidak ketinggalan juga, Tuan Guru Tuk Kenali mengambil berat tentang kitab-kitab Jawi. Tulisan Melayu huruf Arab ini sampai ke Alam Melayu bersama-sama dengan kedatangan Islam.⁴⁹ Selain ditugaskan anak-anak murid beliau mengajar kitab jawi, beliau sendiri turut mengajarnya. Antara kitab-kitab jawi yang diajarnya di peringkat tinggi ialah kitab *Furū’ al-Masā’il*, *Bughyat al-Ṭullāb* dan *Kashf al-Lithām* karangan Syaikh Daud Fatani. Turut diajar ialah kitab tasauf seperti *Hidāyat al-Sālikīn*, *Siyar al-Sālikīn* dan *Ḥikam Ibn ‘Atā’ Allāh*. Untuk orang-orang tua-tua dan orang kampung beliau mengajar kitab *Farīdat al-Farā’id* dan *Aqīdat al-Nājīn* (Akidah) serta kitab *Munyat al-Muṣallīn* (fikah). Melalui pengajaran kitab bertulisan melayu huruf arab (Jawi) maka lahir pula satu angkatan ulama yang mampu mengajar di masjid-masjid dan surau-surau.⁵⁰

⁴⁸ *Ibid.* h. 79-82 & 229.

⁴⁹ Lihat Gang Giong Sok (1990), *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*, Ampang : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xxi.

⁵⁰ Abdullah al-Qari, *op. cit.*, h. 125-128.

PENUTUP TIRAI

Ketokohan Tuan Guru Tuk Kenali dalam bidang bahasa Arab sudah tidak dapat disangkal lagi. Kehebatan beliau patut dihargai oleh rakyat Kelantan dengan meneruskan usaha memertabatkan bahasa Arab di setiap peringkat. Hal ini tentunya mengambil kira sistem lama (pondok) dengan menekankan hafazan dan kefahaman serta diadunkan dengan sistem baru dengan bahasa Arab komunikasinya. Pemerintah dan rakyat seharusnya mengembeling tenaga ke arah itu demi melihat bahasa Arab sebagai jambatan untuk memahami ilmu-ilmu Islam. Menjadi satu kewajiban semua institusi pendidikan Islam di semua peringkat berusaha gigih bagi menguatkan bahasa Arab pelajar-pelajar masing-masing dengan pendekatan yang disebut tadi. Ingatlah bahawa al-Shahid Imam Hasan al-Banna, seorang tokoh dakwah telah menyarankan kepada seluruh umat Islam supaya menitik beratkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan bahasa Hadis serta bercakap di dalam bahasa tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hayy b. Abdul Syakur (1998) : “ Kepakaran Tuk Kenali Dalam Pengajian Fiqah Islam”, *Pengasuh*, September- Oktober.
- Abdullah al-Qari (2004), *Detik-Detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication.
- _____ (1999), *Pusaka Tuk Kenali*, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication.
- Al-Ahdal, ‘Abd Allāh Qādirī (2008), *Ṭall al-Rabwah: Tarbiyyat al-Ustāz al-Dā’iyyah li Tilmīzih*, c. 6, Jiddah : Dār al-Mujtama’
- Abdul Rahman al-Ahmadi (1983), *Tokoh Dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, Siri kebudayaan kebangsaan ; bl.16. Bahagian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Al-Kalantānī, Abd Raḥmān Sulaymān (2007), *Mukhtaṣar al-Qawā’id al-‘Arabiyyah li al-Muḥtadī’in*, Kuala Krai : Dār Ṭaybah.
- Al-Bātilī, Aḥmad b. ‘Abd Allāh (1412 H), *Aḥammīyyah al-Lughah al-‘Arabiyyah wa Munāqashah Da’wā Ṣu’ūbat al-Naḥw*, al-Riyāḍ : Dār al-Waṭan li al-Nashr.

‘Alī Jārim & Muṣṭafā Amīn (1998), *Dalīl al-Balāghah al-Wāḍiḥah*, Qāhirah: Dār al-Ma’ārif.

Gang Giong Sok (1990), *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*, Ampang : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Hāshim Ismā’īl, (1992), *Jadwal al-Naḥw*, Surabaya : Sharikāh Bonggol Indah.

_____, *Jadwal al-Ṣarf*, Surabaya : Sharikāh Bonggol Indah.

_____, *Jadwal al-Ḥurūf*, Surabaya : Sharikāh Bonggol Indah.

Hayati Ridhwani(2011), *Tok Kenali*, h. 145. Kuala Lumpur : BS Print (M) Sdn. Bhd

Idris Awang & Ahmad Zaki Ibrahim, *Tok Kenali Tokoh Ulama’ & Pemikir Nusantara*, Kota Bharu : Yayasan Pembangunan Intelek Kelantan (YPIK).

Ismail Che Daud(1992), *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)*, c. 1 (ed.2), Kota Bharu : Perniagaan dan Percetakan Nik Daud.

Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning: Pesantren Dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, Bandung : Penerbit Mizan.

Mohd. Yusoff b. Ab. Rahman (1977), “*Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamak Kelantan*”, *Jurnal Jebat*, bl. 5/6, , h. 102.

Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1995), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, mu. Ṣidqī Muḥammad Jamīl al-‘Aṭṭār, 4 j. Bayrūt : Dār al-Fikr.

Muhammad Yusuf b. Saleh (1953), *Laksana Sahidangan*, Kota Bharu : Mustafa Press.

_____, (1938), *Sinaran Kelantan*, Kota Bharu : Majlis Agama Islam.

_____, (1938), *Pechahan Empat*, 2 j. Kota Bharu : Majlis Agama Islam.

Uthman Jalaluddin (1308H), *Taṣrīf al-‘Arf fī Taṣrīf al-Ṣarf*, Penang : Persama.

Laman web:

Ketokohan Tuan Guru Hj. Muhammad Yusof b. Ahmad (Tuk Kenali) dalam Bidang Bahasa Arab

Muhammad_ b._ Idris al-Shafi'i <http://Wikipedia.org/wi>.

Nik Mahmud b. Nik Ismail. Wikipedia>ms>wiki>Nik_Mahmud